

**SUMBANGAN PENGAJIAN KURSUS TAMADUN ISLAM DAN
TAMADUN ASIA (TITAS) TERHADAP PEMBENTUKAN HATI BUDI
MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)
MALAYSIA**

**(Contribution of the Islamic and Asia Civilization (TITAS) towards Holistic
Formation of Students in Public Higher Learning Institutions Malaysia)**

Oleh:

Faridah Che Husain*

Fakhruladabi Abdul Kadir**

Abstrak

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia atau dikenali sebagai TITAS merupakan salah satu kursus wajib di setiap IPTA di Malaysia. Arahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya Kursus TITAS dijadikan kursus wajib universiti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara ini merupakan langkah tepat dan sesuai dengan konsep universiti sebagai pembekal ilmu untuk membentuk hati budi pelajar. Pelaksanaan kursus TITAS di IPTA adalah selari dengan aspirasi negara yang peka terhadap perubahan semasa bagi menghasilkan kurikulum terkini yang diperlukan negara, pasaran dan pelajar. Ia telah digubal oleh Jawatankuasa Penggubal Kursus TITAS yang dianggotai oleh wakil-wakil IPTA tempatan. Kursus ini ditawarkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama IPTA mulai sesi akademik 1998/1999 melalui pelbagai pendekatan sesuai dengan nature setiap IPTA. Kursus TITAS mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan isi kandungan kursus yang istimewa dan diwajibkan kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tanpa mengira bidang pengajian mereka. Pembentukan hati budi yang diterap secara tidak langsung dalam pengajian kursus TITAS mampu mendidik akhlak dan moral para pelajar. Pemantapan hati budi yang sempurna dapat melahirkan pelajar yang mampu mencetuskan kesejahteraan insan dalam sesebuah masyarakat serta menjadi agen kelangsungan perkembangan sesebuah tamadun. Justeru, artikel ini akan memfokuskan sorotan literatur yang merangkumi konsep hati budi, akhlak dan moral, faktor-faktor pembentukan hati budi pelajar, dan sumbangan kursus TITAS terhadap pembentukan hati budi pelajar.

Kata Kunci: Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia, TITAS, holistic, pelajar

Abstract

Course of Islamic and Asian Civilization (TITAS) is known as one of the compulsory courses in each universities in Malaysia. Direction from the Ministry of Education Malaysia has made TITAS as compulsory course at Higher Learning Institutions (IPT). This was appropriate step towards achieving the concept of

* Faridah Che Husain, MA, merupakan Pensyarah di Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti & TITAS (SKET), Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Email: irdina@um.edu.my.

** Fakhruladabi Abdul Kadir, PhD, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: fakhruladabi@um.edu.my.

universities as providers of knowledge to develop a holistic student. Implementation of TITAS as compulsory course is in line with national aspirations which are sensitive to changes of the current curriculum needed to produce the country's, market's and student's needs. It was drafted by representatives from local universities, the course is offered to all undergraduate students starting from the academic session 1998/1999. TITAS courses are based on the unique content which are required for all students of the Institute of Higher Learning (IPT), regardless of their field of study. The formation is in such a way that it embeddes oneself indirectly in the course of study to educate student's morality. Strengthening the perfect human can produce students who are the human welfare of a community and being an agent of continuous expansion of civilization. Therefore, this article will focus on the literature review including the concept of oneself, the morality, factors that forming students' oneself, and contribution of TITAS to the formation of good students.

Keywords: Course of Islamic and Asian Civilization (TITAS), holistic, students

Pendahuluan

Pembentukan hati budi yang lebih dikenali sebagai akhlak mulia atau budi pekerti amat dititikberatkan dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara. Hati budi yang baik merupakan elemen penting dalam pembinaan insan sebagai tunggak peradaban dan tamadun manusia. Maju dan mundur sesebuah masyarakat bergantung kepada peribadi dan tingkah laku individu dalam masyarakat tersebut. Pembinaan insan turut melihat kepada individu yang memiliki budaya ilmu, berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin dan sebagainya. Pengabaian terhadap kepentingan pembentukan hati budi merupakan faktor penyumbang berleluasanya permasalahan sosial masyarakat masa kini. Lebih-lebih lagi isu-isu daripada perkembangan ICT tanpa sempadan yang diterima bulat-bulat tanpa kesesuaian budaya dan adat resam yang diamalkan sekian lama. Gejala negatif mudah menular dalam masyarakat sekiranya perkara ini tidak diambil perhatian secara teliti. Hal ini menjadi isu dan cabaran utama terhadap pembentukan hati budi pelajar. Oleh itu, semua lapisan masyarakat harus mengambil peranan bersama menelusuri pendekatan yang jitu bagi membentuk peribadi insan yang berakhlek dan beretika.

Konsep Hati Budi

Istilah “hati budi” merupakan gabungan dua perkataan, iaitu hati dan budi. Istilah hati dalam Kamus Dewan didefinisikan sebagai organ penting yang terletak dalam perut di bahagian sebelah kanan diri manusia.¹ Bahasa Melayu pula menjelaskan hati sebagai unsur dalam diri manusia yang bersifat rohaniah, iaitu kurniahan Tuhan yang ada hubungan dengan jantung hati jasmaninya. Hati juga dianggap

¹ Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*. Edisi ke-4. Cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 520.

sebagai jiwa yang menempatkan perasaan, keinginan dan kemahuan.² Abd. Aziz Rahman dalam Kamus Masyarakat mendefinisikan hati sebagai pusat segala perasaan batin dan tempat perasaan manusia dilahirkan (*the centre of emotions*).³

Perkataan budi pula adalah berasal daripada perkataan Sanskrit. Kamus Dewan mendefinisikan budi sebagai perbuatan yang baik, sifat yang baik, watak yang baik, perangai yang baik, kebajikan, bicara, akal, kebijaksanaan dan akhlak yang terpuji.⁴ Yunus Maris dalam Kamus Fajar mendefinisikan budi sebagai keseluruhan daripada akal fikiran, kebijaksanaan, timbang rasa, pemurah, keadilan, kejujuran, perangai, akhlak dan watak yang baik.⁵ W.J.S. Poerwadarminta dalam Kamus Umum Bahasa Indonesia mendefinisikan budi sebagai akal untuk menimbang baik buruk sesuatu, tabiat, watak, akhlak dan perbuatan yang baik.⁶

Sementara itu, Hashim Musa mengaitkan istilah budi dengan istilah akal dan intelek, iaitu sifat manusia yang dihubung secara jasmani dengan otak. Hakikat ini merupakan sebahagian unsur roh, iaitu daya fikir untuk memahami ilmu-ilmu teoretis, disiplin-disiplin abstrak, pengalaman dan eksperimen.⁷ Realiti sebenar manusia adalah diri rohaninya yang merupakan sesuatu yang seni (*al-latifah al-ruhaniyyah*). Namun pengetahuan tentang roh boleh dikecapi oleh akal melalui pengamatan terhadap aktiviti-aktiviti yang berpunca darinya. Diri rohani manusia dalam al-Quran dirujuk sebagai *al-'aql* (akal atau intelek), *al-qalb* (hati atau *heart*), *al-nafs* (jiwa atau *soul* atau *self*) dan *al-ruh* (roh atau *spirit*). Di samping pengertian rohani, kesemua aspek ini merujuk kepada pengertian jasmani dalam melakukan aktiviti yang baik.⁸

Berdasarkanuraian definisi di atas, satu kesimpulan ringkas boleh dibuat, iaitu hati budi merupakan peribadi yang tergambar pada tingkah laku, pekerti dan pertuturan seseorang.⁹ Selain itu, ia turut menggabungkan unsur akal dan kalbu yang bertindak secara integrasi sehingga terlihat dalam tingkah laku, budi bahasa, nilai dan norma, pemikiran dan pengetahuan seseorang.¹⁰ Manakala etika lebih membawa pengertian sebagai perlakuan baik dan buruk yang telah ditetapkan oleh sesuatu sistem nilai yang dipersetujui oleh umum. Walaupun kadangkala sistem nilai yang diikuti umum ini buruk sifatnya, namun ia masih bertahan kerana masih ada yang mendukungnya.

² Hashim Musa (2008), *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke 2*. Serdang: Penerbit UPM, h. 6.

³ Abd. Aziz Rahman (1999), *Kamus Masyarakat*. Kuala Lumpur: Federal Publications, h. 228; W.J.S. Poerwadarminta (1982), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: PN Balai Pustaka, h.349; Noresah Baharom (2005), *op.cit.*, h. 520.

⁴ Noresah Baharom (2005), *op.cit.*, h. 212.

⁵ *Ibid.*, h.163; Yunus Maris (1984), *Kamus Fajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 91.

⁶ W.J.S. Poerwadarminta (1982), *op.cit.*, h. 158.

⁷ Hashim Musa (2008), *op.cit.*, h. 5.

⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.h. 148.

⁹ Noresah Baharom (2005), *op.cit.*, h. 520.

¹⁰ Hashim Musa (2008), *op.cit.*, h.6.

Sesungguhnya dalam menjelaskan konsep hati budi adalah terangkum bersamanya konsep akhlak kerana kedua-duanya merupakan sebahagian daripada dasar-dasar akhlak.¹¹ Umumnya istilah hati budi banyak digunakan oleh masyarakat Melayu bagi menggambarkan perlakuan baik individu yang berdasarkan pemikiran yang rasional.

Kelunturan Hati Budi Di Kalangan Pelajar

Pelajar merupakan generasi penting yang bakal mencorak kepimpinan dan mewarisi pemerintahan negara pada masa hadapan. Aset yang bernilai ini perlu dipandu dengan betul supaya negara dapat dibangun mengikut arus semasa. Pembentukan hati budi pelajar berkualiti perlu direncana awal sejak di bangku sekolah lagi. Setiap hari pelajar terdedah kepada pelbagai gejala tidak bermoral. Tambahan pula perkembangan dunia globalisasi turut menjadikan golongan pelajar sensitif dan peka dengan arus perubahan dan kemodenan. Transformasi daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa menyaksikan perubahan hormon dan personaliti yang ketara. Sikap ingin tahu dan ingin cuba yang tinggi menyebabkan mereka sering melakukan aktiviti yang melunturkan nilai hati budi kemanusiaan.

Namun, bukan mudah melahirkan golongan pelajar berkualiti ini, realiti cabaran kelunturan hati budi dan permasalahan akhlak berlaku di mana-mana sahaja, malahan saban tahun permasalahan akhlak di kalangan pelajar semakin meningkat. Kelunturan hati budi para pelajar difahami berdasarkan perlakuan negatif yang menyalahi nilai, norma, agama dan masyarakat. Perlakuan negatif atau devian sama sekali tidak membawa keuntungan kepada negara dan sosial malah mengundang pelbagai masalah di setiap peringkat.

Menurut Mahmood Nazar, salah laku boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian, iaitu di peringkat individu yang melibatkan amalan seksual, penggunaan bahan, lari dari rumah, bersekedudukan; di peringkat sosial yang meliputi pergaulan rakan sebaya, hubungan seksual, aktiviti berkumpulan seperti gengsterisme, vandalisme, keganasan, lumba haram, buli dan sebagainya; di peringkat kerjaya yang menimbulkan gejala seksual (pelacuran), jenayah; dan di peringkat kepercayaan termasuklah kepercayaan di luar batasan agama, amalan pegaruh satanisme seperti *black metal* dan *black magic*.¹²

Realiti kelunturan hati budi dan permasalahan akhlak kalangan pelajar bukanlah isu baru diperdebatkan. Utusan Malaysia bertarikh 6 April 2007, menjelaskan kadar jenayah remaja di negara kita berada pada tahap membimbangkan iaitu

¹¹ Akhlak menunjukkan kepada sifat-sifat yang boleh diusahakan. Akhlak meliputi dua dimensi iaitu perlakuan dalaman atau jiwa dan luaran atau tindak tanduk yang dilahirkan seseorang. Miqdad menekankan pengertian akhlak dari segi perlakuan insan selari dengan sifat semulajadinya. Perlakuan ini dilakukan secara sedar dan dikategorikan sebagai tindakan batiniah dan zahiriah. Lihat Miqdad Yaljan (1973), *al-Ittijah al-Akhlaqi Fi al-Islam*. Cet.1, Mesir: Maktabah al-Kanji, h.34.

¹² Mahmood Nazar. *Gejala sosial di Malaysia masa kini: Antara puncanya*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.

seramai 3,432 orang ditahan sepanjang tahun 2006 membabitkan remaja berusia 13 hingga 18 tahun yang masih bersekolah. Jumlah tangkapan ini amat mengecewakan kerana ia mewakili 97 peratus daripada jumlah keseluruhan tangkapan. Selain itu, peningkatan kes jenayah remaja daripada tahun 2004–2005 adalah sebanyak 94 peratus.¹³ Pada tahun 2006 sebanyak 6,838 kes termasuk jenayah kekerasan dan harta benda terutamanya kes mencuri, yang melibatkan remaja.¹⁴

Kelunturan nilai hati budi semakin dirasai apabila melibatkan golongan berpendidikan tinggi kerana mengejar keseronokan, kemewahan, pangkat dan populariti. Sebagai contoh, graduan jurusan Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang didapati bersalah membunuh teman wanitanya.¹⁵ Ada juga di kalangan pelajar IPTA yang hidup bergelumang dosa dengan melakukan zina, maksiat dan sebagainya.¹⁶ Bagi menghadapi semua cabaran ini, kekuatan dalam hati budi pelajar perlu dipupuk sebagai benteng untuk melawan sebarang ancaman yang merosakkan nilai hati budi dan etika mereka.

Faktor Pembentukan Hati Budi Mahasiswa

Sebagai manusia yang dianugerahkan akal, maka setiap individu dituntut mencari jalan penyelesaian terhadap fenomena gejala sosial yang tercetus. Atas dasar inilah beberapa faktor dirangka bagi membentuk hati budi mahasiswa sebagai langkah bagi membendung keadaan daripada menjadi lebih kritikal. Antara faktor-faktor yang dikenal pasti ialah diri sendiri, peranan ibu bapa, pendidikan, rakan sebaya, media massa, serta peranan masyarakat dan negara.

Diri Sendiri

Pada peringkat umur remaja, emosi dan fikiran mahasiswa semakin berkembang dan tidak mahu dikongkong. Jika di alam persekolahan, mereka banyak dikawal dan dipantau oleh ibu bapa, tetapi apabila berada di universiti, mereka sudah berjauhan dan bebas dari kawalan ibu bapa. Oleh itu, mahasiswa perlu berdikari dalam banyak aspek meliputi penjagaan diri, menguruskan kewangan, tanggungjawab pembelajaran dan sebagainya. Diri sendiri bagi merupakan daya penggerak atau motivasi bagi mahasiswa untuk menentukan masa depan masing-masing. Tanggungjawab terhadap diri sendiri merupakan motivasi diri untuk berubah tanpa bergantung kepada orang lain.¹⁷ Menurut Josep, setiap individu adalah bebas membuat pertimbangan bagi kemajuan diri, menentukan pencapaian

¹³ Suhaila Abdullah & Mohd Nizam Sahad. *Usaha Pembangunan Modal Insan Golongan Belia Dan Cabaran Semasa*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.

¹⁴ Mohd Yunus Pathi. *Gejala sosial di Malaysia masa kini dan puca-puncanya*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.

¹⁵ Berita Harian, November 12, 2009: 1&7 “Graduan UKM bunuh teman wanita ke tali gantung”.

¹⁶ Harian Metro, April 19 2010: 3 “Gadis enggan terus berzina”.

¹⁷ Ab. Aziz Mohd Zain et al (eds) (2006), “Isu-Isu Tamadun Islam” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.256.

diri serta menilai keperluan dalam kehidupan mereka.¹⁸ Ini menunjukkan bahawa mahasiswa perlu matang dan bijak dalam menentukan hala tuju untuk berjaya dalam prestasi akademiknya.

Pada peringkat umur sebegini, mahasiswa sering melakukan sesuatu yang baru oleh kerana perasaan ingin tahu yang sangat tinggi. Perasaan ingin tahu yang sangat tinggi ini harus disertai dengan kesedaran yang boleh mengelakkan mereka daripada kealpaan dan keseronokan dunia yang sementara. Bagi mahasiswa yang beragama Islam, mereka harus mengukuhkan keimanan dalam jiwa terhadap Allah s.w.t. Mereka perlu melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan keagamaan agar mereka mendapat maklumat yang jelas tentang hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Bagi mahasiswa yang bukan beragama Islam pula, kesedaran amat penting tentang etika kehidupan seluruh manusia dan situasi kebanyakan agama yang tidak suka pada sesuatu kejahatan. Tidak ada agama yang pada asasnya menyeru kepada kejahatan kecuali mahasiswa sendiri yang lemah sifat dalamannya terhadap agama hingga mudah dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Beberapa peranan dan tanggungjawab utama boleh dilaksanakan oleh mahasiswa misalnya terlibat dalam membangunkan masyarakat di sekelilingnya. Mereka boleh menganjurkan program motivasi dan ketahanan diri untuk rakan-rakan mahasiswa lain bagi membantu mereka menangani masalah dengan positif dan mampu menghadapi cabaran serta realiti baru. Selain itu, mereka boleh terlibat dalam aktiviti-aktiviti kesukuanan, program sosial berbentuk kemanusiaan seperti program khidmat masyarakat dan sebagainya.¹⁹ Ini bermakna, mahasiswa perlu aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan memberikan sumbangan dalam aspek ekonomi, agama, sosial, dan politik. Ini penting bagi memastikan prinsip-prinsip keadilan dan kebenaran dipertahankan dan menjadi asas pertimbangan dalam pembangunan aspek hati budi mereka.

Selain itu, jadual harian pelajar yang anjal dan konsisten juga disarankan untuk membina disiplin dan hati budi mahasiswa. Jadual harian haruslah seimbang dan merangkumi kegiatan fizikal, keagamaan dan tugas yang perlu disiapkan agar mereka menjadi pelajar yang seimbang dari segi kecemerlangan akademik dan sifat dalaman. Kecemerlangan mahasiswa tidak harus dinilai dari sudut akademik sahaja walaupun ia adalah penting. Malah didapati ramai mahasiswa yang berakhlik dan memiliki hati budi mendapat kecemerlangan akademik kerana mereka memahami tanggungjawab serta tidak membuang masa secara sia-sia.²⁰

¹⁸ Josep M. Basart Munoz, "Which Ethics Will Survive in Our Technological Society?" dalam *IEEE Technology and Society Magazine*. Spring 2004. h.37.

¹⁹ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *Gejala Sosial Dalam masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. h.35.

²⁰ Syed Omar bin Syed Agil Al-Attas (2003), *Melentur Rebung*. Kuala Lumpur: Mulia Erat Sdn. Bhd. h.92-93.

Peranan Ibu Bapa

Ibu bapa perlu memberi perhatian kepada anak-anak dalam soal pemberian kasih sayang dan perhatian terhadap pelajaran. Mereka perlu meningkatkan asuhan, didikan, kawalan serta mengetahui setiap pergerakan anak-anak apabila keluar dari rumah. Ibu bapa merupakan orang yang paling penting untuk mengawasi tingkah laku dan peribadi anak-anak.²¹ Tingkah laku tanpa kawalan keluarga memudahkan anak-anak terjebak dalam permasalahan akhlak yang melunturkan hati budi mereka. Ibu bapa wajar mengetahui rakan-rakan yang sering didampingi oleh anak-anak mereka supaya dapat mengetahui kedudukan sebenar anak-anak mereka.

Ibu bapa harus memainkan peranan penting dalam menangani masalah salah laku anak-anak mereka. Pendidikan, nilai-nilai keagamaan, pembinaan disiplin merangkumi bentuk dan contoh disiplin yang membentuk nilai hati budi perlu bermula dari rumah lagi. Ibu bapa perlu menyedari bahawa peranan dan tanggungjawab mereka bermula ketika anak-anak masih kecil lagi.²² Tanggungjawab ibu bapa adalah besar kerana jika tersalah didik dan kurang kasih sayang yang sempurna, keperibadian dan tingkah laku anak akan terjejas.

Ibu bapa perlu mewujudkan hubungan yang baik dalam keluarga. Hubungan yang wujud dalam keluarga adalah hubungan yang langsung dan merupakan medan untuk saling berinteraksi. Ibu bapa hendaklah memberi ruang kepada anak-anak untuk mencurahkan pendapat dan mengambil tahu segala permasalahan yang berlaku serta berusaha mengambil langkah bagi menyelesaiannya.²³ Perbincangan merupakan cara paling sesuai untuk diperaktikkan supaya anak-anak dapat merasai kasih sayang, perhatian dan ikatan kekeluargaan yang kukuh. Dari sinilah bermulanya pemupukan nilai-nilai akhlak dan hati budi baik dari segi tingkah laku dan emosi yang telah sebat dengan kehidupan harian mereka.

Faktor Pendidikan

Pendidikan merupakan suatu usaha rekonstruksi yang dirangka bagi membentuk akhlak dan moral mahasiswa. Secara tidak langsung ia membantu memantapkan nilai hati budi mahasiswa. Pembentukan akhlak, hati budi dan etika yang baik perlu dilentur sejak dari kecil lagi melalui pendidikan formal dan tidak formal oleh guru dan ibu bapa. Imam as-Shadiq a.s. pernah mengatakan bahawa: "*Impart religious education to your children as soon as you can and before your opponents take a lead over you and plant wrong and false ideas in their mind.*"²⁴ Ia selari dengan tujuan utama pendidikan dari perspektif Islam untuk melahirkan

²¹ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *op.cit.*, h.15.

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*, h.25.

²⁴ Sayyid Mujtaba Musawi Lari (1997), *Ethics and Spiritual Growth*. Ali Quri Qara'i (terj.). Behrooz, Tehran: Foundation of Islamic Cultural Propagation in the World. h.48.

insan yang baik dan beradab (*the man of adab*).²⁵ Pendidikan anak-anak perlu dititikberatkan sama ada di rumah maupun di sekolah bukan sahaja dari segi akademik malah perlu diterap dengan nilai-nilai agama dengan sempurna. Didikan agama ini akan menjadi benteng baik buruk perlakuan seseorang.

Sebagaimana gambaran Emile Durkheim (1858-1917M), pendidikan merupakan atas proses sosialisasi terhadap anak-anak. Proses sosialisasi yang dimaksudkan adalah proses pemberian nilai hubungan kemanusiaan yang tidak boleh dipisahkan.²⁶ Nilai biasanya diperolehi kesan daripada hasil pembelajaran. Pendidikan biasanya menginginkan kesempurnaan atau ideal sebagai manusia. Namun, kepelbagaian sistem yang ada telah mengabaikan kehendak dan keperluan kesan pendidikan bagi memenuhi tuntutan pembangunan material. Perubahan revolusi di negara industri telah mengorbangkan pendidikan yang akhirnya membentuk sistem pendidikan ke arah individu yang mempunyai watak industri. Dengan kata lain, pendidikan telah menjadi korban kepada kehendak sistem-sistem yang diwujudkan oleh manusia.²⁷ Apa yang penting dalam matlamat pendidikan menurut E. Kant adalah perkembangan setiap individu ke arah kesempurnaan yang ideal.²⁸

Justeru, strategi pendidikan di peringkat institusi telah diperkasa melalui pelbagai program yang diadakan dari peringkat sekolah, kolej hingga universiti sebagai ruang kepada para pelajar untuk berdiskusi, mengeluarkan idea, mengasah bakat dan sebagainya. Sebagai contoh Program Temuseru telah diadakan di peringkat sekolah, kolej dan universiti bagi menghalang golongan pelajar terjebak dengan gejala negatif seperti dadah dan jenayah yang berkaitan. Pelbagai acara disediakan dalam program ini seperti mengadakan pameran, syarahan dinamik, forum dan kuiz untuk pelajar. Acara kreatif dan hiburan disediakan dengan mengadakan konsert muzik yang menyampaikan mesej positif di tempat-tempat seperti pasaraya, kelab, sekolah, kolej dan universiti. Manakala Temuseru Media pula melibatkan wawancara radio, televisyen, internet, penulisan artikel dalam akhbar dan majalah hiburan.²⁹ Selain itu, banyak lagi program di peringkat universiti yang dapat membantu pembinaan hati budi mahasiswa meliputi rasa hormat, nilai atau etika seperti³⁰:

- a. Program pengayaan untuk membina kemahiran bahasa dan profesionalisme.
- b. Aktiviti kokurikulum berkredit untuk membina kemahiran generik.

²⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1991), *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC. h.vi & 23.

²⁶ Emile Durkheim (1956), *Education and Sociology*. The Free Press: Illionis. h.32.

²⁷ Antonio Klosowska (1977), *Education in a Changing Society*. London: Sage Publication. h. 60-61.

²⁸ Emile Durkheim (1956), *op.cit.*, h.62.

²⁹ Mohd Yunus Pathi. "Kemiskinan dan Gejala Sosial", Kertas kerja dibentangkan dalam National Seminar on Urban Poor & Low Income Families: Towards the Ninth Malaysia Plan di Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur pada 19 April 2005. h. 6.

³⁰ Ahmad Nurulazam Md. Zain et al (2008), "Sistem Pendidikan Tinggi dan Model Universiti Untuk Malaysia" dalam Morsjadi Sirat (ed), *Model Sistem Pendidikan Tinggi dan Universiti Untuk Malaysia*. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara: USM Pulau Pinang. h. 66.

- c. Huraian buku untuk memupuk budaya ilmu dan budaya membaca.
- d. Program sukan dan budaya untuk membina sikap positif dan nilai akhlak yang mulia.
- e. Program peringkat asrama.
- f. Program berdasarkan akademik.
- g. Menjalankan penguatkuasaan untuk memupuk sikap positif dan budaya menghargai kemudahan yang disediakan.
- h. Menanam sistem nilai, akhlak, rasa hormat dan sikap positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- i. Melibatkan pensyarah dalam usaha membina peribadi pelajar.
- j. Memupuk budaya menuntut ilmu di luar bilik kuliah.

Pengaruh Rakan Sebaya

Pembentukan fizikal dan rohani mahasiswa banyak tertumpu bersama-sama rakan sebaya yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Selain belajar, mereka mempunyai ruang masa yang banyak bersama dengan rakan-rakan terutama mahasiswa yang berjauhan dengan keluarga dan tinggal dengan di asrama atau kolej. Mereka tidak boleh hidup sendirian dan mahu diterima oleh rakan-rakan. Pengaruh kasih sayang antara remaja dengan rakan-rakan adalah cukup kuat. Rakan-rakan lebih berpengaruh daripada ibu bapa kerana mereka boleh meluahkan segala perasaan, tetapi agak terhad jika dengan ibu bapa.³¹ Hubungan yang rapat sesama rakan sebaya memudahkan proses saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Mahasiswa kini terbahagi kepada beberapa kumpulan seperti kumpulan yang suka bersendirian, kumpulan yang sukakan buku dan sebagainya.³² Amat jarang dilihat mahasiswa yang mengasingkan diri daripada bergaul dengan rakan-rakan. Jika ada, mungkin pengunduran diri berlaku apabila merasakan identiti mereka tidak diiktiraf hingga menyebabkan mahasiswa tersebut menjadi pendiam dan mengasingkan diri. Namun, kebanyakan mereka lebih suka bergaul dengan rakan-rakan, kalau boleh tinggal di asrama atau kolej yang sama, mengikuti kursus yang sama atau sekurang-kurang dari fakulti yang sama. Ada juga di kalangan mahasiswa yang sama-sama menghabiskan masa dengan belajar bersama-sama rakan mereka seperti membuat tugas yang diminta oleh pensyarah dan sebagainya.³³

Berdasarkan kajian Abdul Razak bin Abdul Kadir mengenai metodologi pendidikan Tamadun Islam di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sekolah-Sekolah Menengah Di Kuching, Sarawak mendapati bahawa persekitaran amat memperengaruhi metodologi pendidikan Tamadun Islam secara tidak langsung. Pengaruhnya bukan terletak pada kaedah pengajaran dan

³¹ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *op.cit.*, h. 21.

³² *Ibid.*, h. 13.

³³ Kenyataan ini adalah berdasarkan tinjauan awal terhadap mahasiswa di IPTA terpilih seperti Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

pembelajaran tetapi pada pendekatan dan perspektif pelajar dan pengajar sahaja. Kaedah dan strategi pembelajaran kepada pelajar pada dasarnya adalah sama. Perbezaan hanya pada pelajar non Muslim yang perlu melakukan kajian komprehensif mengenai subjek pendidikan Tamadun Islam dengan melakukan perbincangan, diskusi dan dialog dengan rakan-rakan Muslim dan pengajar. Secara tidak langsung, interaksi akademik yang terhasil dalam perbincangan subjek pendidikan Tamadun Islam akan membentuk hati budi pelajar.³⁴

Pada kebiasaannya rakan yang lebih dominan akan mempengaruhi rakan yang lain. Oleh itu, untuk memastikan mahasiswa tidak terjebak dalam gejala sosial, mereka perlu bijak memilih rakan. Salah percaturan dalam pemilihan rakan akan menjelaskan pembentukan hati budi mahasiswa. Jika mereka mendampingi rakan yang baik, maka akan menjadi baiklah mereka dan begitulah sebaliknya. Sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w pernah menggambarkan bahawa orang yang berkawan dengan orang soleh diumpamakan seperti orang yang mendekati penjual minyak wangi sama ada dia membeli atau tidak, dia tetap mendapat renjisan bau wangi. Sebaliknya orang yang bergaul dengan orang yang rosak akhlaknya diumpamakan seperti menghampiri tukang besi yang akan mendapat percikan kotoran habuk besi.³⁵

Media Massa

Pengaruh media massa hari ini terhadap mahasiswa adalah bersifat dominan. Media massa merupakan saluran penting kemasukan maklumat, ideologi dan hiburan.³⁶ Era ledakan dan arus teknologi maklumat menyumbang kepesatan dan kepantasan perkembangan media yang banyak memberi manfaat dan kemudahan kepada mahasiswa. Teknologi komunikasi dan media baru telah dikombinasikan sebagai satu infrastruktur penyampaian maklumat mengenai sesuatu pengetahuan.³⁷ Semua ini memberi peluang kepada mahasiswa mendapatkan maklumat terkini dalam pembelajaran mereka.

Pengaruh luaran dari media massa wujud untuk mewarnai baik buruk hati budi mahasiswa. Menurut Morshinia, pengaruh media massa memberi kesan yang baik terhadap peningkatan pengetahuan pelajar. Ini berdasarkan kajian beliau mengenai pengaruh sistem penyampaian maklumat dalam permainan video (*video game*) terhadap pembelajaran pelajar. Seramai 74 orang pelajar kolej telah dipilih untuk diuji pemahaman dan pengetahuan mereka dalam permainan video *Civilization IV* mengenai Perang Revolusi Amerika. Pelajar ini telah dibahagikan kepada tiga

³⁴ Abdul Razak bin Abdul Kadir (2000), "Metodologi Pendidikan Tamadun Islam Peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM): Suatu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Di Kuching, Sarawak". Disertasi yang dikemukakan bagi memenuhi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 322.

³⁵ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *op.cit.*, h. 22.

³⁶ Ab. Aziz Mohd Zain et. al (eds) (2006),*op.cit.* h. 256.

³⁷ Peter Mandaville (2007), "Globalization and the Politics of Religious Knowledge: Pluralizing Authority in the Muslim World", dalam *Theory, Culture and Society*. Vol. 24, Number 2, March 2007. h. 108.

kumpulan, iaitu kumpulan A diberi ujian dan kuliah secara *power point*, kumpulan B diberi ujian dan permainan video dan kumpulan C tidak diberi ujian dan hanya bermain video sahaja. Hasil kajian mendapati pelajar yang menggunakan permainan video (kumpulan B dan C) menunjukkan penerimaan pengetahuan yang tinggi berbanding pelajar yang menerima kuliah secara *power point* sahaja.³⁸ Ini menunjukkan permainan video berjaya menyampaikan maklumat dan pengetahuan yang tepat dalam pembelajaran individu.

Saluran rancangan daripada media massa juga hendaklah ditapis kemasukannya. Media massa terutama media elektronik seharusnya mengutamakan program yang dapat meningkatkan nilai-nilai murni dan nilai-nilai ketimuran. Ia seharusnya menghapuskan unsur-unsur negatif dalam setiap program yang disiarkan. Ia mestilah berunsurkan pendidikan, nilai murni, batasan agama dan tatasusila ketimuran. Kemasukan unsur-unsur negatif budaya Barat melalui media massa khususnya internet harus ditapis dan dihadkan secara bijaksana dan sistematik.

Peranan Masyarakat dan Negara

Masyarakat tidak harus mendiamkan diri apabila melihat golongan mahasiswa terlibat dalam kegiatan tidak berakhlik yang melunturkan hati budi mereka. Masyarakat tidak boleh memandang bahawa apa yang dihadapi oleh individu mahasiswa sebagai masalah peribadi yang perlu diselesaikan sendiri tanpa campur tangan orang lain.³⁹ Seharusnya masyarakat sekeliling mendukung konsep ummah atau kekitaan, saling menasihati apabila sesuatu kepincangan berlaku dalam masyarakat.⁴⁰ Masyarakat perlu sedar bahawa golongan mahasiswa merupakan tonggak kekuatan bagi sesebuah masyarakat dan bangsa. Selain itu akademik yang mencabar keintelektualan, mahasiswa turut terdedah kepada persekitaran yang merosakkan. Keadaan ini dapat dibendung jika masyarakat bersama-sama mewujudkan persekitaran yang baik antara mereka.

Kerajaan turut memainkan peranan penting membentuk hati budi mahasiswa dengan menangani dan mengatasi masalah keruntuhan akhlak di kalangan mereka yang terjebak dalam gejala sosial. Kerajaan hendaklah lebih banyak campur tangan dengan memberi bimbingan, sokongan berbentuk material atau moral, dan mengadakan pelbagai program untuk mengatasi masalah ini.⁴¹ Sebagai contoh rancangan untuk mengadakan program khusus oleh Kementerian Belia dan Sukan seperti Rakan Muda membantu membendung isu-isu gejala sosial daripada terus merebak. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga membantu memberi kesedaran kepada golongan remaja untuk melakukan sesuatu yang berfaedah dalam diri mereka.

³⁸ Morshinia, Andrew Vahid (2008), “The Influence of Information Delivery Systems in Modified Video Games on Learning”, tesis PhD, Jabatan Kurikulum dan Pengajaran, Universiti Kansas.

³⁹ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *op.cit.*, h. 27.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 34.

⁴¹ *Ibid.*, h. 27.

Sementara itu, cadangan mengadakan kawalan undang-undang yang lebih ketat atau mengharamkan tempat-tempat hiburan, karaoke, *video game*, diskò dan sebagainya daripada dikunjungi golongan remaja khususnya mahasiswa.⁴² Cadangan ini dapat membantu mengurangkan aktiviti gejala sosial yang melunturkan hati budi mahasiswa. Namun semua pihak harus memberikan sokongan padu dan menerima program yang diadakan oleh pihak kerajaan dengan hati yang terbuka.

Pengajian Kursus TITAS di IPTA

TITAS merupakan singkatan daripada kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia yang dijadikan sebagai kursus wajib di setiap IPTA di Malaysia. Arahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya Kursus TITAS dijadikan kursus wajib universiti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara ini merupakan langkah tepat untuk membentuk hati budi pelajar.⁴³ Ia telah digubal oleh Jawatankuasa Penggubal Kursus TITAS yang dianggotai oleh wakil-wakil IPTA tempatan. Kursus ini ditawarkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama IPTA mulai sesi akademik 1998/1999 melalui pelbagai pendekatan sesuai dengan *nature* setiap IPTA.⁴⁴ Kursus TITAS mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan isi kandungan kursus yang istimewa dan ia diwajibkan kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tanpa mengira bidang pengajian mereka.⁴⁵

Kursus TITAS dimulai dengan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia 1 (TITAS 1) dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia 2 (TITAS 2). Kertas satu memfokuskan pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Melayu manakala Kertas dua mencakupi Tamadun Cina, India, Peribumi dan Jepun. Kemudian pada tahun 2005 kursus ini telah digantikan dengan kursus TITAS dan kursus Hubungan Etnik. Kursus TITAS merangkumi pengajian mengenai Tamadun Islam, Melayu, Cina dan India. Kursus Hubungan Etnik menggunakan satu modul yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sementara modul pengajaran kursus TITAS adalah bergantung kepada universiti masing-masing berdasarkan persetujuan yang dibuat semasa bengkel TITAS diadakan. Namun, sehingga kini kurikulum kursus TITAS diperbaharui dari semasa ke semasa.

Penawaran kursus TITAS di IPTA juga adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan

⁴² *Ibid.*, h. 34.

⁴³ Hashim Hj. Musa (2005), “Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik Yang Holistik” dalam *Ke Arah Pengajaran TITAS & Hubungan Etnik Yang Holistik*, Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan 2005. Diselenggara oleh Unit TITAS, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): UiTM Shah Alam. h. 2.

⁴⁴ Kursus ini dilaksanakan dengan melihat kemampuan tenaga pakar, fasiliti atau kemudahan-kemudahan yang dimiliki IPTA masing-masing. *Ibid.*

⁴⁵ Osman Bakar et al (eds.) (2009), *Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. xi.

kepada Tuhan.⁴⁶ Kursus ini mampu membangunkan jiwa dan mental manusia bagi menghasilkan warganegara yang dapat memberikan sumbangan ke arah membangunkan negara secara bersepadu dan kolektif. Kursus ini dilaksanakan untuk menyemai dan memupuk persefahaman, hormat menghormati dan kehidupan harmoni antara kaum, budaya, agama dan kepercayaan di kalangan masyarakat Malaysia.⁴⁷

Peranan Kursus TITAS Dalam Pembentukan Hati Budi Mahasiswa

Peranan kursus TITAS dalam pembentukan hati budi mahasiswa dibincangkan mengikut pembahagian topik-topik utama iaitu Pengenalan Ilmu Ketamadunan, Tamadun Islam, Tamadun Melayu, Tamadun India, Tamadun Cina serta Isu-Isu Semasa dan Masa Depan.

1. Pengenalan Ilmu Ketamadunan

Bahagian Pengenalan Ilmu Ketamadunan merupakan proses permulaan pembentukan hati budi mahasiswa sebaik sahaja mereka menjakkan kaki ke IPTA. Bahagian ini lebih mengenangkan gambaran-gambaran umum mengenai istilah-istilah lazim dalam wacana ketamadunan.⁴⁸ Terdapat beberapa konsep dan istilah yang perlu difahami mahasiswa bagi membolehkan mereka meletakkan pandangan dan persepsi yang benar mengenai ilmu ketamadunan. Ia juga merupakan asas utama kepada mahasiswa untuk memahami intipati daripada konsep dan istilah apabila membicarakan isu-isu tamadun seterusnya. Kefahaman ini penting bukan sahaja untuk menjana intelektual para pelajar malah mampu membentuk hati budi mahasiswa apabila mereka membuat sesuatu ukuran pencapaian tamadun sesebuah bangsa. Selain itu, bahagian ini juga menjelaskan beberapa perkara yang membentuk hati budi mahasiswa melalui keintelektualan untuk mengenal pasti dan menilai bentuk budaya dan tamadun luar. Semua ini penting sebagai kekuatan menghadapi fenomena-fenomena negatif yang banyak menular dalam masyarakat Malaysia.

2. Tamadun Islam

Pembelajaran mengenai Tamadun Islam mampu membentuk hati budi mahasiswa kerana Tamadun Islam merupakan ilham masyarakat Islam menerusi pelbagai

⁴⁶ Falsafah Pendidikan Negara iaitu, "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini ialah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Lihat Kementerian Pendidikan Malaysia (1990 an). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 181.

⁴⁷ Rahimah Abdul Kadir (t.t.), *Ke Arah Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran TITAS*. Prosiding Bengkel Kebangsaan Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran TITAS IPT, Kuala Lumpur: Sekyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti & TITAS (SKET). h. 9.

⁴⁸ Osman Bakar et al (eds.) (2009) *op.cit.*, h. 4.

bangsa Arab, Parsi, Sepanyol, Turki, India, Cina, Melayu dan lain-lain. Tamadun Islam dibina dalam pelbagai bidang tanpa mengira sempadan politik, geografi, bangsa, kosmologi, ideologi dan sebagainya.⁴⁹ Oleh demikian, mereka dianggap sebagai kesatuan ummah yang berpegang kepada konsep Tauhid (Keesaan Allah S.W.T). Sumber pembinaan dan keilmuan tamadun Islam adalah berpandukan kepada wahyu, iaitu al-Quran dan Al-hadis bagi melahirkan elemen tamadun dalam bentuk acuan tersendiri, unik, dan melambangkan keperibadian Islam. Ini jelas membuktikan bahawa Tamadun Islam bukan dibina untuk kepentingan sesebuah bangsa, budaya atau bersifat kebangsaan sebagaimana tamadun-tamadun lain yang wujud di dunia ini.

Hati budi dan mahasiswa yang mengikuti Kursus TITAS dapat disemai ke arah pembinaan budi, pekerti dan akhlak yang baik menerusi pembelajaran menerusi konsep tamadun Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Matlamat tamadun Islam untuk mengangkat Islam sebagai *al-Din*, iaitu satu cara hidup yang lengkap dan komprehensif. Ini menjadikan ia unik dan berbeza dengan tamadun-tamadun lain dari aspek kehidupan, pendidikan, falsafah, kebudayaan dan sebagainya. Ia dibuktikan dengan fakta-fakta sejarah mengenai keadilan sistem pemerintahan Islam pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, Khulafa' al-Rasyidin R.A, Bani Abbasiyah, Mughal, Uthmaniyyah dan pada zaman pemerintahan Islam seterusnya.⁵⁰ Semua ini memberi ilham kepada mahasiswa untuk memahami dan memenuhi keperluan manusia sejagat mengenai tanggungjawab terhadap agama masing-masing. Kefahaman ini membantu membentuk hati budi mahasiswa untuk menggalakkan penerusan tamadun yang membawa kebaikan kepada manusia sejagat, mempertahankan toleransinya terhadap agama dan budaya bukan Islam. Tanpa pegangan agama yang jitu, pelajar mudah terdedah kepada gejala negatif yang menjaskan masa depan, masyarakat, agama dan negara.

3. Tamadun Melayu

Tamadun Melayu merupakan teras kepada tamadun Malaysia hari ini. Ia merupakan tamadun kepada kelompok etnik Melayu di negara ini. Tamadun Melayu telah mengalami proses perkembangan yang lama dan melalui beberapa manifestasi yang berbeza. Penerimaan Islam menjadi asas penting pembentukan tamadun Melayu setelah beberapa lama berada di bawah pengaruh Hindu dan Buddha. Pembangunan tamadun bangsa Melayu telah menerima pengaruh daripada tamadun-tamadun lain seperti tamadun India, tamadun Cina, tamadun Islam dan tamadun Barat moden. Hubungan ketamadunan yang sekian lama terjalin dalam sejarah antara tamadun-tamadun besar mampu membentuk hati budi yang luhur di kalangan mahasiswa kerana ia boleh menimbulkan kesedaran dan rasa penghargaan terhadap warisan budaya masyarakat Malaysia hari ini.

⁴⁹ Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali et al (eds.) (2006), "Prolegomena Tamadun Islam", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. 43.

⁵⁰ Azhar Mad. Aros (2004), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Kertas 1 dan 2*. Selangor: Fajar Bakti, h. 14-18.

Kedatangan Islam turut membantu merubah pandangan semesta tamadun Melayu yang berteraskan unsur-unsur akidah Islam. Kehidupan masyarakat Melayu di pusat-pusat tamadun Melayu telah menerima kesan daripada pancaran tamadun Islam ini. Agama Islam telah dijadikan agama rasmi dan sekaligus meletakkan tamadun Melayu dalam jaringan tamadun Islam global yang berhubung dengan kerajaan Uthmaniyah Turki, Salafiah Parsi, Mughal India dan kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah dan Afrika.⁵¹ Sumber-sumber daripada tamadun Islam telah memberikan penekanan kepada tamadun Melayu dalam aspek rasional berdasarkan akal budi dan ilmu yang nyata. Semua ini amat berkesan membentuk hati budi mahasiswa dalam mempraktikkan nilai-nilai asas dalam tamadun Melayu.⁵²

4. Tamadun India

Tamadun India adalah merujuk kepada tamadun yang bermula di lembah Sungai Indus lebih kurang pada tahun 3000 SM. Penemuan arkeologi di kawasan tersebut menunjukkan masyarakat lembah Sungai Indus telah mencapai suatu tahap tamadun yang tinggi.⁵³ Perkembangan tamadun India meliputi beberapa aspek yang dapat membentuk hati budi mahasiswa seperti aspek agama, sosial, budaya, sistem politik dan pemerintahan, sains, falsafah, agama, ekonomi dan kesenian. Sebagai contoh agama Hindu atau agama yang kekal abadi mempunyai sepuluh disiplin yang bersifat sejagat iaitu kejujuran (*satya*), kesederhanaan (*ahimsa*), tidak berzina (*brahmacharya*), tidak merompak (*asteya*), kesucian (*aparigraha*), kebersihan (*shaucha*), kepuasan (*santosh*), mengaji kitab (*swadhyaya*), penjimatan (*tapas*) dan doa (*pooja*).⁵⁴

Namun, semua disiplin ini bukan sahaja sesuai untuk pengikut agama Hindu semata-mata, malah ada beberapa di antara disiplin tersebut sesuai untuk masyarakat dan bangsa lain yang berbeza tamadun bagi melahirkan masyarakat yang bermoral. Begitu juga ajaran Buddha yang menekankan *Dharma* yang mengandungi Empat Kebenaran Mulia dan Jalan Lapan Lapis Mulia adalah bertujuan untuk menghindarkan seseorang daripada melakukan perbuatan jahat dan tidak bermoral. Unsur penekanan hati budi mahasiswa diterapkan dalam seni kesusasteraan, sains dan teknologi tamadun India.⁵⁵ Semua ini dapat membantu

⁵¹ Hashim Musa et al (eds.) (2006), "Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. 307.

⁵² Antara nilai-nilai asas dalam tamadun Melayu yang dapat membantu membentuk hati budi pelajar adalah akidah Islam, ketaatan kepada Sultan dan menghormati pemimpin, berpegang teguh kepada adat resam, memuliakan orang tua, mengutamakan ikatan kekeluargaan dan hubungan silaturrahim, saling menghormati, meraikan tetamu, bertimbang rasa, bersopan santun, berbudi bahasa, bermuafakat, bergotong-royong dan sebagainya. Lihat Osman Bakar et al (eds.) (2009) *op.cit.*, h.68-71.

⁵³ G. Sivapalan et al (eds.) (2006), "Tamadun India: Sejarah, Kerajaan dan Pentadbiran", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.236; Azhar Mad. Aros (2004), *op.cit.*, h.150.

⁵⁴ Osman Bakar et al (eds.) (2009) *op.cit.*, h.86.

⁵⁵ Seni kesusasteraan seperti Epik Ramayana merupakan sebuah kitab berunsur moral yang menekankan kebaikan, Epik Mahabharata pula mengajar manusia supaya berpegang pada janji dan menjauhi sifat buruk, Bhagavadgita yang mengandungi ajaran agama, dan Kesusasteraan Sangam yang

mahasiswa membentuk hati budi dalam kehidupan sehari-hari mereka yang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin hari menghakis nilai-nilai jati diri yang diamalkan oleh tamadun-tamadun terdahulu.

5. Tamadun Cina

Tamadun Cina merupakan tamadun yang tertua dan berkesinambungan sehingga kini. Ia mempunyai sifat-sifat terbuka dalam interaksinya dengan tamadun-tamadun lain di dunia. Tamadun Cina membawa beberapa nilai yang dapat membentuk hati budi mahasiswa terutamanya dalam membincangkan agama dan kepercayaan masyarakat Cina. Sebagaimana Tamadun Melayu yang menekankan nilai-nilai agama Islam dalam membentuk pandangan semesta masyarakatnya, Tamadun India dengan agama Hindu dan Buddha yang menyeru penganutnya melakukan perbuatan baik dan menjauhi perbuatan jahat, serta tamadun Cina dengan pelbagai agama seperti Konfusianisme, Buddhisme Cina, Daoisme, Moisme, Legalisme, dan Islam yang masing-masing mengarahkan penganutnya berbuat baik terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Semua ini diterima dengan hikmah bahawa agama merupakan intisari penting sesebuah tamadun bagi mengolah manusia ke arah kehidupan yang bermoral.

Selain agama dan kepercayaan, bidang genre sastera Cina juga menyumbang kepada pembentukan hati budi mahasiswa. Puisi dan prosa Cina mestilah berkualiti dan bermanfaat dari segi moral dan etika serta bertujuan untuk ‘menyampaikan ‘*dao*’, iaitu jalan dari segi moral dan etika.⁵⁶ Ini membantu mahasiswa menerima kepelbagaiannya tamadun yang mempunyai nilai-nilai pembinaan ke arah insan kamil atau individu yang bermoral. Begitu juga pandangan semesta tamadun Cina yang mempunyai nilai-nilai pembentukan hati budi mahasiswa, iaitu konsep *Tian*, konsep *Dao*, konsep *Taiji*, *Yin Yang* dan *Wuxing*, Kesepadan *Tian* dengan Insan, dan Prinsip *Zhongyong*.⁵⁷ Konsep ini melibatkan alam semesta dalam masyarakat Cina yang dapat dicapai dengan berkelakuan baik.

6. Isu-Isu Semasa dan Masa Depan

Bahagian terakhir kursus ini lebih menumpukan perhatian kepada isu-isu semasa yang boleh mengancam dan menghakis nilai-nilai murni dalam pelbagai tamadun tradisional. Nilai-nilai toleransi dan persefahaman dalam bab ini membantu membentuk hati budi mahasiswa. Pendedahan mengenai pelbagai tamadun

membicarakan persoalan hidup dan sikap manusia terhadap diri dan alam. Manakala sumbangan tamadun India dalam sains dan teknologi seperti bidang matematik, astronomi, fizik, kimia, logam dan perubatan lebih memberi penekanan kepada aspek fungsi dan kepentingan secara menyeluruh. Lihat G. Sivapalan et al (eds.) (2006), “Tamadun India: Masyarakat dan Budaya”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.262-267.

⁵⁶ Teo Lay Teen (2006), “Tamadun Cina: Kesusasteraan, Kesenian, Sains dan Teknologi Cina”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. 316.

⁵⁷ Osman Bakar et. al (eds.) (2009) *op.cit.*, h.100-102.

memberikan pengetahuan berguna bagi mengukuhkan nilai-nilai hati budi mahasiswa. Ia dapat memperkayakan pemikiran, sikap dan tingkah laku serta menyakinkan pelajar tentang kepentingan kehidupan dalam suasana kepelbagaiannya tamadun. Perpaduan kebangsaan dan antarabangsa hanya akan bermakna jika mutu kemanusiaan yang terlibat itu tinggi dan berakh�ak.

Pendedahan ini juga membantu para pelajar berfikir dengan kritis untuk menerima perbezaan yang wujud antara pelbagai tamadun yang telah dipelajari. Perbezaan ini seharusnya diterima dengan positif sebagai keunikan yang terdapat pada sesebuah tamadun dan tidak membantutkan hasrat untuk berdialog mengenai perkara yang disepakati bersama. Selain itu, mahasiswa mendapat pendedahan sewajarnya mengenai arus globalisasi kebudayaan kebendaan tamadun Barat moden yang hampir-hampir menenggelamkan arus jati diri masyarakat Asia kini. Nilai-nilai ketamadunan yang membantu membentuk hati budi diterapkan kepada mahasiswa daripada terhakis oleh kuasa-kuasa anti tamadun zaman kontemporari supaya pembangunan sebenar tamadun manusia boleh diteruskan.

Kesimpulan

Pembentukan hati budi mahasiswa merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu. Pemantapan hati budi yang jitu mempunyai pengaruh dan kesan besar terhadap pembangunan tamadun ummah. Langkah IPTA memperkenalkan kursus TITAS merupakan sumbangan yang tidak ternilai terhadap pembinaan tamadun Malaysia dalam memastikan nilai-nilai ketamadunan dapat diterapkan bagi membentuk jati diri dan hati budi mahasiswa. Pendedahan mengenai pelbagai tamadun memberikan pengetahuan yang amat berguna kepada mahasiswa. Sekurang-kurangnya kursus TITAS dapat bertindak bagi membendung penularan gejala-gejala negatif ke tahap serius dan boleh memusnahkan tamadun manusia.

Selain itu, kursus TITAS mengundang kesedaran di kalangan pelajar mengenai nilai-nilai sejagat yang berjaya menyatukan tamadun mahasiswa daripada latar belakang budaya yang berbeza. Kesedaran yang mendalam mengenai nilai-nilai sejagat membantu memupuk kesefahaman dalam sesebuah masyarakat. Kesedaran ini mempunyai nilai pendidikan yang tinggi dalam membentuk hati budi di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama, bahasa, dan budaya. Semua pihak yang terlibat termasuklah institusi keluarga, pendidikan, kerajaan, agensi bukan kerajaan dan masyarakat perlu sama-sama berganding bahu dan tidak hanya menunding jari pada satu-satu pihak semata-mata. Ini kerana jatuh bangun sesebuah negara dan masyarakat bergantung pada generasi muda yang akan memacu negara pada masa hadapan. Justeru, generasi yang benar-benar berkualiti akan menjamin pembangunan dan kecemerlangan negara dan begitulah sebaliknya.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zain et al (eds) (2006), “Isu-Isu Tamadun Islam” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd. Aziz Rahman (1999), *Kamus Masyarakat*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Abdul Jalil Hassan (1979), *Falsafah dan Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak bin Abdul Kadir (2000), “Metodologi Pendidikan Tamadun Islam Peringkat Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM): Suatu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Di Kuching, Sarawak”. Disertasi yang dikemukakan bagi memenuhi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah Muhammad Zin (2004), “Falsafah dan Etika Pengurusan Islam”, dalam Ali Yakub Matondang et al.(eds.), *Asas Kecemerlangan Ummah*. Kuala Lumpur: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Ahmad Nurulazam Md. Zain et al (2008), “Sistem Pendidikan Tinggi dan Model Universiti Untuk Malaysia” dalam Morshidi Sirat (ed), *Model Sistem Pendidikan Tinggi dan Universiti Untuk Malaysia*. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara: USM Pulau Pinang.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *Gejala Sosial Dalam masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Antonio Kloskowska (1977), *Education in a Changing Society*. London. Sage Publication.
- Azhar Mad. Aros (2004), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Kertas 1 dan 2*. Selangor: Fajar Bakti
- Berita Harian, November 12, 2009: 1&7 “Graduan UKM bunuh teman wanita ke tali gantung”.
- Emile Durkheim (1956), *Education and Sociology*. The Free Press: Illionis.
- G. Sivapalan et al (eds.) (2006), “Tamadun India: Sejarah, Kerajaan dan Pentadbiran”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

G. Sivapalan et al (eds.) (2006), “Tamadun India: Masyarakat dan Budaya”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ghazali Basri (2007), “Penghayatan Nilai Moral dan Akhlak Dalam Konteks Pendidikan Umat Berbilang Agama Di Malaysia”, dalam Ahmad Mohamad Said et al (eds.), *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.

Harian Metro, April 19 2010: 3 “Gadis enggan terus berzina”.

Haron Din (2007), *Islam Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS.

Hashim Musa (2008), *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke 2*. Serdang: Penerbit UPM.

Hashim Musa et al (eds.) (2006), “Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hashim Hj. Musa (2005), “Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik Yang Holistik” dalam *Ke Arah Pengajaran TITAS & Hubungan Etnik Yang Holistik*, Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan 2005. Diselenggara oleh Unit TITAS, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): UiTM Shah Alam.

Josep M. Basart Munoz, “Which Ethics Will Survive in Our Technological Society?” dalam *IEEE Technology and Society Magazine*. Spring 2004.

K. Bertens (2003), *Etika dan Moral untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990a). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Nazar. *Gejala sosial di Malaysia masa kini: Antara puncanya*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.

Miqdad Yaljan (1973), *al-Ittijah al-Akhlaqi Fi al-Islam*. Cet.1, Mesir: Maktabah al-Kanji.

Mohd Nizam Mohd Ali (2006), “National Integrity Plan: Enhancing The Culture of Integrity Within the Public Service”, dalam Asyraf Hj Ab Rahman et al (eds.), *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Kuala Terengganu: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, KUSTEM.

Mohd Yunus Pathi (2008), “Gejala sosial di Malaysia masa kini dan puca-puncanya”. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.

Morshinia, Andrew Vahid (2008), “The Influence of Information Delivery Systems in Modified Video Games on Learning”, tesis PhD, Jabatan Kurikulum dan Pengajaran, Universiti Kansas.Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*. Edisi ke-4. Cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Bakar et al (eds.) (2009), *Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Peter Mandaville (2007), “Globalization and the Politics of Religious Knowledge: Pluralizing Authority in the Muslim World”, dalam *Theory, Culture and Society*. Vol. 24, Number 2, March 2007.

Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahimah Abdul Kadir (t.t.), *Ke Arah Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran TITAS*. Prosiding Bengkel Kebangsaan Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran TITAS IPT, Kuala Lumpur: Sekyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti & TITAS (SKET).

Sayyid Mujtaba Musawi Lari (1997), *Ethics and Spiritual Growth*. Ali Quri Qara'i (terj.). Behrooz, Tehran: Foundation of Islamic Cultural Propagation in the World.

Sidek Baba (2008), *Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suhaila Abdullah & Mohd Nizam Sahad. *Usaha Pembangunan Modal Insan Golongan Belia Dan Cabaran Semasa*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Insan di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1991), *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Syed Omar bin Syed Agil Al-Attas (2003), *Melentur Rebung*. Kuala Lumpur: Mulia Erat Sdn. Bhd.

Teo Lay Teen (2006), “Tamadun Cina: Kesusastraan, Kesenian, Sains dan Teknologi Cina”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali et al (eds.) (2006), “Prolegomena Tamadun Islam”, dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

W.J.S. Poerwadarminta (1982), Kamus Umum Bahasa Indonesia, Jakarta: PN Balai Pustaka

Yunus Maris (1984), *Kamus Fajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd